

**NO. SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian yang diambil oleh Kabinet terhadap Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Rang Undang-Undang Persendirian bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kawasan Marang.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa Negeri. Kuasa Negeri berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan. Bagi maksud tersebut, Pihak Berkuasa Agama Negeri telah menggubal dan menguatkuaskan undang-undang kesalahan jenayah Syariah di negeri masing-masing.

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk memartabatkan pentadbiran keadilan Syariah termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah, menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah dan memantapkan aspek penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah di negara ini.

Sekiranya mana-mana Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang

sedang berkuat kuasa, agar dapat memenuhi prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman.

Oleh yang demikian, pelaksanaan undang-undang Islam hendaklah dibuat secara teratur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan. khususnya aspek pemakaian undang-undang Islam tersebut yang terhad kepada orang Islam sahaja bagi menjamin kestabilan dan keharmonian negara terpelihara.

Kerajaan mengambil maklum Usul Persendirian untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2015 yang telah dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kawasan Marang semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas yang lalu.

Sekian, terima kasih.